



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Bengkel Pemantapan Asas Kewangan bagi Business Plan ENT300

Disediakan oleh:
Ahmad Faisal bin Mahdi, Dr. Abg Feizal bin Abg Ibrahim, Siti Farah Binti Lajim, Agnes Anak Kanyan,
Noor Emma binti Shamsuddin dan Dyg Hummida binti Abg Abdul Rahman

Fundamentals of Entrepreneurship (ENT300) merupakan satu kursus wajib bagi semua pelajar yang menduduki diploma UiTM kerana tidak semua program diploma menyediakan kemahiran pengurusan kewangan mahupun perniagaan (business plan). Kegagalan menguasai ilmu pengurusan kewangan merupakan salah satu faktor Bumiputera tidak berjaya dalam bidang perniagaan di Malaysia.

Pada 8 Januari 2022 lalu, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan sesi bersama Dr. Abg Feizal bin Abg Ibrahim yang merupakan pakar dalam bidang kewangan dari Kampus Samarahan. Dalam sesi tersebut, beliau membantu para pelajar kampus Mukah dengan berkongsi ilmu pengurusan kewangan serta teknik pengisian input dalam templat kewangan yang telah dibangunkan oleh pihak MASMED UiTM, Shah Alam. Ia mendapat sambutan menggalakkan dengan kapasiti 100 namun mendapat penyertaan seramai 214 orang. Ianya telah berjalan selama 3 jam dan rata-rata maklum balas pelajar berharap agar program ini dapat dilaksanakan dengan lebih lama.

Kesimpulannya, bengkel sebegini harus diadakan setiap semester bagi memberi ruang dan peluang kepada para pelajar dari bidang bukan aliran perniagaan untuk mempelajari mengenai ilmu pengurusan kewangan kerana antara visi UiTM itu ditubuhkan adalah merapatkan jurang kemiskinan masyarakat Bumiputera dengan kaum lain di Malaysia dan bidang keusahawanan adalah salah satu cara yang terbaik untuk mencapai visi ini.

